



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**  
**MINISTRY OF HIGHER EDUCATION**

Bahagian Biasiswa  
Aras 2, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 603-8870 6000  
Hotline : 603-8888 1616 / 6787  
Faks : 603-8870 6839

Ruj.Kami : KPT.B.600-28 Jld. 5 (11)  
Tarikh : 12 Julai 2016

**YBrs. Prof. Madya Dr. Suriani binti Abu Bakar**  
Fakulti Sains dan Matematik  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjong Malim  
Perak

YBrs. Prof. Madya Dr.,

**PELANTIKAN SEBAGAI PANEL PENILAI TEMU DUGA PROGRAM  
BIASISWA BIDANG SAINS TULEN (MYBRAINSC) TAHUN 2016 TAJAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana YBrs. Prof./Dr. sedia maklum, Program Biasiswa MyBrainSc merupakan satu bentuk penajaan yang ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia kepada pelajar-pelajar di peringkat ijazah pertama dan pasca ijazah dalam bidang sains tulen bagi pengajian dalam dan luar Negara. Program ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 September 2011 bertujuan menghasilkan saintis-saintis muda yang berjiwa besar serta cendiakawan yang bertaraf dunia sekaligus melahirkan bakal *Nobel Laureate* Negara. Pada tahun ini, program Biasiswa MyBrainSc telah memasuki fasa yang keempat. Saringan pemilihan pertama dan kedua telah berlangsung daripada 1 Januari 2016 hingga 6 Mei 2016. Calon seterusnya akan melalui saringan ketiga yang merupakan peringkat terakhir iaitu sesi temu duga.

3. Sehubungan itu, dengan mengambil kira kepakaran, sumbangan dan komitmen YBrs. Prof./Dr. dalam bidang ini, sukacita Kementerian ini melantik YBrs. Prof./Dr. sebagai Panel Penilai Temuduga Biasiswa MyBrainSc 2016. Pelantikan ini telah diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Biasiswa MyBrainSc yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Seri KSU untuk perakuan dan pelantikan secara rasmi.

4. Maklumat lanjut berkenaan tarikh, masa dan pusat temu duga adalah seperti di **Lampiran A**. YBrs. Prof./Dr. juga adalah layak untuk membuat tuntutan Bayaran Saguhati Panel Temu Duga Biasiswa sebagaimana yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat KK/BP/DS10/79/6-3 JD.2(sk.1/2012) (7) bertarikh 9 Mei 2012. Manakala bagi tuntutan penginapan, makan dan minum hendaklah dibuat mengikut prosedur Tuntutan Bertugas Rasmi Dalam Negeri melalui ketua jabatan masing-masing sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan WP 1.4/2013.

5. Semoga kerjasama YBrs. Prof./Dr. dapat membantu pihak kami dalam melicinkan lagi proses temu duga yang dirancang dan seterusnya mencapai objektif-objektif penajaan MyBrainSc seperti yang telah digariskan. Di atas persetujuan pelantikan ini dan komitmen penuh yang diberikan, Kementerian ini dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian,

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(AIDAWATI BINTI MISDAR)**  
Bahagian Biasiswa  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Tinggi

Tel.☎ : 8870 6320

Faks☎ : 8870 6839

E-mel✉: aidawati@mohe.gov.my

LAMPIRAN A

1. ZON TENGAH

Tarikh : 25 – 28 Julai 2016 (Isnin – Khamis)

Masa : 8.00am – 5.00pm

Tempat: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

| Bil | Nama  |
|-----|---|
| 1   | PROF. MADYA DR. ZAHARI BIN IBARAHIM         |
| 2   | PROF. MADYA DR. SURIANI BINTI ABU BAKAR     |
| 3   | PROF. DR. NORHAYATI BINTI AHMAD             |
| 4   | PROF. DR. AHMAD BIN ISMAIL                  |
| 5   | PROF. MADYA DR. WAN JULIANA BINTI WAN AHMAD |
| 6   | PROF. DR. AZIZAN BIN AHMAD                  |
| 7   | PROF. DR. MANSOR BIN AHMAD                  |
| 8   | PROF. MADYA DR. AZMI BIN MOHAMED            |
| 9   | PROF. DR. NOR AZAH BINTI YUSOF              |
| 10  | PROF. MADYA DR ILYAS BIN MAT ISA            |
| 11  | PROF. DR. IBRAHIM BIN MOHAMED               |
| 12  | PROF. DR. ROSLINDA BINTI MOHD NAZAR         |

## LAMPIRAN B

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Biasiswa  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 2, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62200 W.P. PUTRAJAYA

Tuan,

### **PENGESAHAN KEHADIRAN SEBAGAI CALON PANEL PENILAI TEMU DUGA PROGRAM BIASISWA MyBrainSc KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI 2016**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan ruj. KPT.B.600-28 Jld. 5 (11) bertarikh 12 Julai 2016 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa:

- \*  Saya **akan hadir** ke sesi temu duga berkenaan pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan:

Nama : DR. SURIANI ABU BAKAR .....

Jawatan : PROF. MADYA .....

Email : ..absuriani@yahoo.com.....

No. Tel (P) : 019-2117002 .....

No. Tel (B) : .....

- \*  Saya **tidak dapat hadir** pada sesi tersebut. Walau bagaimanapun, YBrs. Prof./Prof. Madya/Dr. berikut akan hadir mewakili saya:

Nama : .....

Jawatan : .....

Email : .....

No. Tel (P) : .....

No. Tel (B) : .....

Tarikh : .....

Masa : .....

Nama : .....  
Jawatan : .....  
Email : .....  
No. Tel (P) : .....  
No. Tel (B) : .....  
Tarikh : .....  
Masa : .....

\* Sila tandakan ✓ pada kotak yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

( SURIANI ABU BAKAR )

---

Maklumat Urus Setia Untuk Dihubungi

1. En. Faizul Rahman Bin Sjafrri, faizul.sjafrri@mohe.gov.my, 03-8870 6344 / 013-628 5682
2. En. Mohamad Shafie bin Salleh Huddin, shafie@mohe.gov.my - 03-8870 6358 / 012-625 4151


Pengesahan Kehadiran boleh dihantar melalui email sebelum **15 Julai 2016 (Jumaat)**



**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**  
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN  
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62592 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8882 3000  
Cabel : TREASURY, KL  
Faks : 03-8882 3893  
03-8882 3894  
Web : www.treasury.gov.my

KKBP/DS10/79/6-3 JD.2(sk.1/2012)(7)



9 Mei 2012

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia  
Bahagian Biasiswa  
Ara 2 No 2, Menara 2, Jalan P5/6  
Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
(u.p.: Encik Zainal Abidin bin Abu Hassan)

Faks : 03-8870 6839

Tuan,

**Pennohongan Bayaran Saguhati Panel Temuduga Dan Penilai Cadangan Penyelidikan Program Biasiswa KPT**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada surat Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) Ruj: Bil.KPT.B.600-1 Jld. 18(48) bertarikh 5 Januari 2012 berhubung perkara di atas.

2. Perbendaharaan telah meneliti perkara tersebut dan adalah dimaklumkan bahawa bayaran saguhati Panel Temuduga dan Penilai Cadangan Penyelidikan Program Biasiswa KPT diluluskan seperti berikut :

| Jenis Pemilihan           | Syor Perbendaharaan                 |                |
|---------------------------|-------------------------------------|----------------|
|                           | Bilangan Hari Temuduga              | Kadar (RM)     |
| Temuduga                  | 1 hari                              | 100            |
|                           | 2 hari                              | 200            |
|                           | 3 hari atau lebih                   | 500            |
| Penilai Cadangan Proposal | 15 muka surat atau kurang/ cadangan | RM12/ cadangan |
|                           | Melebihi 15 muka surat/ cadangan    | RM12/ cadangan |

3. Pembayaran saguhati ini hendaklah menggunakan peruntukan sedia ada KPT. Kelulusan pembayaran saguhati ini berkuat kuasa mulai Januari 2012.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(MOHD RADZI BIN ABD HAMID)  
Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam Dan Khidmat Pengurusan  
b.p.: Ketua Setiausaha Perbendaharaan

☎ : 03-8882 3104  
☎ : 03-8882 4135  
✉ : radzi.hamid@treasury.gov.my